



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
**MALAYSIA**  
**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: kp@dvs.gov.my

## KENYATAAN MEDIA DARIPADA

**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR  
(KESIHATAN VETERINAR)**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**KEPUTUSAN LAPORAN PENYIASATAN PENYAKIT SUSULAN DARI LAPORAN  
AKHBAR DAN MEDIA SOSIAL KES PENYAKIT AYAM**

1. Merujuk kepada laporan akhbar Harian Metro bertarikh 13 Jun 2015 dan juga eligasi yang tersebar di media sosial berhubung penyakit misteri pada ayam yang dikatakan telah menjangkiti manusia sejak bulan Mac yang lalu. Pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di loji-loji penyembelihan ayam di seluruh negara sehingga kini tidak menemui apa-apa penyakit misteri seperti yang dinyatakan. Sementara itu, DVS juga tidak menerima sebarang laporan mahupun aduan kematian ayam-ayam di ladang yang luar biasa kejadiannya. Berdasarkan maklumat pemeriksaan dan pemantauan ini, DVS merumuskan ayam-ayam yang disembelih dan diproses di loji-loji pemprosesan ayam dan dipasarkan adalah selamat.
  
2. Mengulas gambar-gambar yang dikatakan penyakit misteri tersebut. Sebenarnya tidak ada penyakit misteri dikalangan ternakan ayam di negara kita. Lesi bintik-bintik “ecchymotic haemorrhage” pada daging ayam berkemungkinan disebabkan oleh penyakit ayam khusus seperti Penyakit Bursal (*Infectious Bursal Disease*). Ayam-ayam dengan tanda klinikal begini akan gagal pemeriksaan anti-mortem (pemeriksaan sebelum penyembelihan) dan tidak akan disembelih.

3. Penyakit ini boleh berlaku jika ayam di ladang tidak diberikan vaksinasi di peringkat awal usianya. Penyakit ini tidak boleh menjangkiti manusia (zoonotik). Manakala tanda-tanda “erythematous vesicular papules” pada jari tangan manusia yang disertakan adalah tanda penyakit yang khusus pada manusia dan berkemungkinan disebakan oleh penyakit “Hand-Foot-and Mouth Disease”. Kedua-dua penyakit ini berbeza dari segi virus penyebabnya dan juga “host” yang akan dijangkiti. Oleh yang demikian penyakit haiwan yang digambarkan jika benar berlaku tidak akan mendatangkan risiko jangkitan pada manusia. Begitu juga sebaliknya penyakit manusia tersebut tidak akan menjangkiti ayam.
4. Orang awam digalakkan melayari laman-laman web yang boleh dipercayai bagi memahami penyakit-penyakit haiwan dan manusia yang dinyatakan. Saya juga mengalu-alukan pemula eligasi ini untuk tampil menghubungi DVS dan memaklumkan loji penyembelihan dimaksudkan bagi membolehkan susulan yang lebih spesifik dapat dijalankan.